


BERIAN SAMPAI
MATI

MOHD. NOR LONG



KK 893 - 4643 6101
ISBN 983-62-1536-0



Cetakan Pertama 1990
© Hakcipta Mohd. Nor Long 1990

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diatur Huruf oleh Dewan Bahasa dan Pustaka
Muka Taip Teks: Times Roman
Saiz Taip Teks: 11/13 poin

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan
\$3.50

Cerita ini khayalan semata-mata berdasarkan kisah adat orang Murut. Maka itu cerita ini tidak ada kena-mengena dengan sesiapa pun baik yang hidup maupun yang sudah meninggal.

PAGI

Al-Fatihah untuk allahyarham bapaku yang maut di laut Kuala Sepetang, Perak

lalih di dalam kawasan alam semesta ini. Cukup
dengan mengambil bahan-bahan yang ada di sekitar
diri dan mencampur dengan air yang bersih, seseorang
dapat membuat obat-obatan yang baik. Sama halnya
dengan penyembuhan dengan menggunakan obat
yang dibeli di pasaran. Dalam hal ini, ia perlu
memerlukan pengetahuan tentang penggunaan obat
yang benar dan juga pengetahuan tentang
cara penyembuhan.

Obat-obatan ini bukanlah obat-obatan yang kuat.
Ia hanya memberi pengaruh pada sistem kerja tubuh
seorang manusia agar ia dapat berfungsi dengan
baik. Jadi, ia tidak boleh diberikan kepada orang yang
Bab 1
tidak memerlukan pengobatan. Akan tetapi, ia boleh
digunakan sebagai obat untuk mengobati penyakit
yang ringan. Misalnya, ia boleh digunakan untuk
mengobati penyakit seperti batuk, demam, sakit kepala,
Tinggi-tinggi si matahari,
Anak kerbau mati tertambat;
Sudah lama aku mencari,
Baru sekarang aku mendapat.

PAGI Jumaat itu nampaknya seperti biasa dengan cuaca
yang amat cerah menyegarkan isi alam semesta sama ada
insan maupun haiwan. Pekan kecil Sipitang masih di-
baluti kelembapan pagi dingin sementara angin sepoi-
sepoi bahasa bertiup lembut dari Teluk Brunei. Bau selut
pantai dari belukar nipah dibawa angin sepoi-sepoi itu
menyelubungi pekan kecil itu.

Kedai-kedai di pekan itu mula dibuka satu persatu
untuk memulakan perniagaan, sementara kedai kopi
telah sedia terbuka semenjak azan Subuh tadi bagi me-
layani nelayan-nelayan yang pulang. Kedai-kedai kopi
merupakan tempat singgahan pertama sebelum mereka
pulang ke rumah menemui anak dan isteri masing-
masing.

Pekan nelayan inilah yang menjadi pusat pentadbiran
daerah Sipitang dengan diketuai oleh seorang

pegawai daerah. Penduduk Sipitang tidak perlu pergi jauh ke tempat-tempat lain untuk berurusan dengan kerajaan kerana pejabat-pejabat kerajaan banyak disediakan di sini.

Jalan di pekan itu mula kelihatan sibuk dengan motokar dan bas yang mengangkut murid-murid sekolah, guru dan pekerja-pekerja pejabat ke destinasi masing-masing. Kesibukan lalulintas di jalan ini tidak lama; kerana akan sepi semula apabila kesemua mereka mula menjalani tugas di sekolah atau pejabat. Hanya pengangkutan yang masih kelihatan ialah lori sampah dan lori pasar.

Di pasar, sibuk serta riuh dengan laungan penjaja dan penjual untuk memikat suri-suri rumah membeli barang-barang jualan di gerai-gerai mereka. Sebagai pekan nelayanikan yang dijual di sini segar-segar belaka tetapi jarang didapati ikan-ikan yang besar. Lazimnya, ikan-ikan besar dihantar ke pasar besar di Kota Kinabalu dan Sandakan.

Sedang ratusan manusia sibuk berjual-beli tiba-tiba riuh-rendah pasar menjadi lengang. Senyap dan sunyi dengan serta-merta dan yang terdengar hanyalah bunyi lilihan air paip di gerai-gerai ikan. Ternyata kesemua yang hadir di pasar memberhentikan seketika kegiatan masing-masing. Ada yang berdiri tercegat dengan mulut terlopong tanda kehairanan, ada yang terpinga-pinga memandang ke sekeliling kerana naluri ingin tahu mereka mencari-cari sebab, dan tidak kurang pula yang dengan tenang berundur perlahan-lahan ke belakang mencari perlindungan.

Apakah yang menyebabkan suasana pasar yang

riuh-rendah bertukar menjadi sepi bagi kesepian di tanah perkuburan?


Nun, di tengah-tengah jalan yang sebatang yang merentasi pekan kecil itu terpacak gagah seorang laki-laki Murut hanya bercelana pendek tanpa baju dan kasut. Dia memegang selaras senapang patah. Matanya bersinar-sinar mencari mangsa. Siapakah mangsa yang dicarinya, manusia atau binatang? Air mukanya bengis lagi garang dan dengan susuk tubuhnya yang pagan, menambah kehebatan laki-laki tersebut.

Rupa-rupanya orang inilah yang menggemparkan seluruh penghuni pasar dan kedai di pekan itu. Ketika orang-orang di pasar gempar dan menghentikan kegiatan mereka, pekedai-pekedai juga turut menutup kedai masing-masing secara senyap-senyap.

Kini, pekan Sipitang seolah-olah mengalami ‘perintak berkurung’ kerana tidak lagi kelihatan manusia mundar-mandir di jalan raya mahupun di kaki lima kedai. ‘Perintak berkurung’ buatan sendiri kerana takutkan sesuatu yang tidak diingini berlaku pada pagi itu.

Orang yang berdiri tegak di jalan raya itu tidak menghiraukan apa yang berlaku di sekelilingnya. Penduduk-penduduk yang cemas dan kedai-kedai yang sudah ditutup tidak mendapat perhatiannya sama sekali kerana dia menumpukan perhatian kepada orang yang sedang dicarinya. Orang itu amat penting baginya. Itu sahaja niatnya, mencari musuhnya untuk dijadikan mangsa kalau tiada siapa yang menghalang. Siapakah musuhnya itu?

“Hai Khamis keparat! Keluar kamu ke mari!” teriaknya dengan nyaring. Sah sekarang bahawa yang



dicarinya ialah seorang yang bernama Khamis. Agaknya satu kesalahan besar sudah dilakukan oleh Khamis sehinggakan lelaki itu sanggup membawa senapang untuk mengugut atau menembak Khamis.

Dia berlari-lari menuju ke satu arah sambil melaung-laungkan nama Khamis. Ditujunya ke sebuah kawasan pejabat-pejabat kerajaan dan di antara pejabat yang terpenting di situ ialah pejabat daerah. Para pedai dan orang-orang di pasar hanya memandang dari jauh. Tiada siapa pun yang berani menghampirinya apalagi untuk menahannya daripada melakukan perkara yang tidak dingini. Pada waktu itu belum pun ternampak pegawai polis yang boleh diharapkan menenangkan suasana yang tegang itu.

Di antara orang yang melihat peristiwa pagi itu ialah seorang budak pejabat pegawai daerah Sipitang. Budak itu sedang dalam perjalanan dengan basikal ke sebuah kedai buku untuk memesan alatulis bagi kegunaan pejabatnya. Nama "Khamis" yang dilaung-laungkan oleh lelaki itu amat menggerunkannya kerana "Khamis" tidak asing bagi Jimmy, budak pejabat itu.

"Jangan-jangan Khamis kerani kewangan pejabat aku yang dicarinya?" fikir Jimmy. Orang yang bernama Khamis yang dikenalinya itu seorang pemuda Melayu yang berasal dari Labuan dan baharu setahun bertugas di Pejabat Daerah Sipitang. Jimmy sangat menyukai Khamis kerana sering menolongnya semasa dia kesempitan wang.

Dengan tidak berlengah-lengah lagi Jimmy mengambil keputusan berpatah balik ke pejabat dan membatalkan perjalanannya. Tambahan pula kedai buku

Sebuah novel yang memaparkan perasaan, tanggapa dan tindak balas Khamis, seorang pemuda Melayu yang berkahwin dengan Rafina seorang gadis Murut, yang terpaksa akur kepada adat "Berian Sampai Mati". Apabila pasangan ini sudah menjadi suami isteri, maka bermulalah pusingan adat ini, satu demi satu barang kepunyaannya Khamis – dari jam tangan hingga ke radio transistor dan dari kerusi meja hingga ke peti TV – diminta oleh mentuanya Radang atas nama adat dan Khamis terpaksa mematuhinya. Akhirnya rumah tangga Khamis kosong dan sunyi, maka itu mereka mula memprotes. Di samping menentang adat ini, mereka juga mahu menyelamatkan rumah tangga mereka. Bagaimana kedua-dua hal ini dihadapi oleh pasangan suami isteri muda ini? Semuanya terjawab dalam novel yang kecil tetapi mengesakan ini!

ISBN 983-62-1536-0